

PENGLIBATAN MASYARAKAT AWAM DI MALAYSIA DALAM ISU BERKAITAN PERSEKITARAN

Haliza Abdul Rahman¹

Abstract

Environment problems are too critical and complex to be resolved only through science, technical and legislative approach. Participation and involvement of the public is important and relevant as they are stakeholders in development. In Malaysia, public involvement in environmental planning and discussion is provided for under the Environmental Quality Act 1974 and Town and Country Planning Act 1976. Public involvement particularly in the planning process is very important because the power that they possess under these legislation can bring about significant changes. Further, the public have a right to requisition for changes to projects that have a negative impact on the environment and society. Nevertheless, the trends in Malaysia indicate that the public are not really interested in participating in the planning process or being involved in environmental issues. This article examines the involvement of the public in environmental issues in Malaysia.

Research evidence indicates that public participation in environmental organisations is also still low. This lack of involvement is in part due to a lack of knowledge, understanding and exposure to environmental issues. A lack of emphasis from government agencies on public participation in the process of implementing certain projects and programmes are also contributory factors.

Keywords: *Public society, environment issues, awareness, participation, involvement*

PENDAHULUAN

Permasalahan alam sekitar terlalu parah dan kompleks untuk diselesaikan secara ekslusif melalui pendekatan sains, teknikal dan perundangan semata-mata. Justeru, penyertaan dan penglibatan orang awam dengan lebih meluas sangat diperlukan. Hal ini kerana masyarakat awam merupakan sebahagian daripada pihak yang berkepentingan (*stakeholders*) dan mereka seharusnya dilibatkan secara langsung dalam setiap projek pembangunan yang dirancang dan dijalankan di kawasan mereka dalam usaha mencapai pembangunan mampan.

Secara umum, penglibatan awam membawa maksud proses di mana pihak awam diberi peluang mengambil tindakan yang boleh mempengaruhi keputusan sesuatu rancangan atau dasar, atau mendapat layanan daripada kerajaan. Daripada segi alam sekitar, *Corps of Engineers*, Amerika Syarikat (Canter 1977) mentakrifkan penyertaan awam sebagai:

¹ Haliza Abdul Rahman is a Senior Lecturer at Pusat Pengajian Sains Kesihatan, Universiti Sains Malaysia.

Proses komunikasi dua hala yang dilakukan secara berterusan. Ia melibatkan usaha memberikan kefahaman kepada orang awam tentang proses dan mekanisme menyiasat dan menyelesaikan keperluan dan masalah alam sekitar oleh agensi berkaitan, memaklumkan orang awam sepenuhnya tentang status dan kemajuan kajian serta implikasi daripada sesuatu perancangan dan aktiviti penilaian, dan secara aktif mendapatkan persepsi dan pandangan semua warga negara yang prihatin tentang matlamat, keperluan dan citarasa mereka berkenaan kegunaan sesuatu sumber, pelan pembangunan alternatif atau strategi pengurusan dan sebarang maklumat serta bantuan berkaitan dengan rancangan dan proses penilaian tersebut.”

Tanggung jawab awam pula ditakrifkan sebagai perasaan kesedaran untuk bertanggung jawab akibat daripada keputusan yang telah diambil oleh sesuatu kelompok yang berkepentingan. Penyertaan awam lazimnya dilihat daripada perspektif yang berbeza-beza. Bagi penggerak projek, penglibatan awam mungkin hanya untuk memenuhi kehendak perundangan dan garis panduan kelulusan projek. Bagi pihak awam pula, peluang penglibatan digunakan untuk berbagai maksud bergantung kepada kepentingan pelbagai pihak berkepentingan.

Keperluan keterlibatan dan tanggung jawab awam dalam semua proses pembangunan merupakan langkah positif ke arah pembangunan mampan. Aspek ini belum diberikan perhatian yang seimbang dalam sistem penggubalan dasar, perancangan dan pelaksanaan projek pembangunan. Hal ini kerana penglibatan awam biasanya dianggap keperluan sampingan dan lazimnya diperkenalkan dalam bentuk inisiatif individu atau kelompok sesebuah organisasi.

Di peringkat global permasalahan berkaitan alam sekitar telah diberikan perhatian yang serius oleh segenap lapisan masyarakat terutama berkaitan dengan perubahan iklim global. Dalam laporan tahun 2001, Panel Antara Kerajaan Mengenai Perubahan Iklim (IPCC) meramalkan min suhu akan meningkat antara 1.4 dan 5.8 darjah Celcius menjelang tahun 2100 berbanding paras tahun 1990, bergantung pada tahap pencemaran karbon di atmosfera (*Utusan Malaysia*, 26 Disember 2006). Jika tindakan tidak diambil untuk mengatasi pelepasan gas, terdapat kemungkinan suhu dunia akan meningkat antara 2 dan 3 darjah Celcius dalam 50 tahun akan datang. Peningkatan suhu global tersebut boleh menyebabkan berlaku perubahan pada tabiat alam, termasuk peningkatan paras air laut dan cuaca yang ekstrem seperti banjir, kemarau, gelombang panas, ribut taufan dan puting beliung. Pelbagai kajian dalam jurnal sains dunia menunjukkan rentetan daripada itu akan berlakunya kekeringan ketulan ais di Greenland, kehilangan glasier di Antartika, pengasidan lautan disebabkan penyerapan karbon monoksida (CO) dan tamparan ke atas kepelbagaiannya bio apabila habitat spesies berpindah ataupun lupus (*Utusan Malaysia*, 26 Disember 2006). Semua ini menuntut masyarakat dunia amnya dan Malaysia khususnya agar lebih berhati-hati dan prihatin dalam tindak-tanduk mereka apabila berinteraksi dengan alam sekitar serta terlibat secara aktif dalam usaha memelihara dan memulihara alam sekitar.

Pada hakikatnya, isu dan masalah alam sekitar memang mudah dan mampu menarik perhatian serta menjadi isu penting di kalangan masyarakat. Faktor ini disebabkan masyarakat boleh melihat dan merasai bahaya sesuatu masalah alam sekitar dengan jelas;

kesan alam sekitar tidak tertakluk kepada fahaman politik, bangsa, kelas masyarakat, agama dan kaum; isu alam sekitar tidak merupakan perkara sensitif untuk diperkatakan dengan terbuka serta kurang kontroversi dibandingkan dengan masalah sosial dan ekonomi; selain mempunyai kepentingan dalam sesuatu isu alam sekitar terutama jika mereka turut menjadi mangsa atau menerima impak negatif yang timbul. Kesedaran masyarakat terhadap kepentingan memelihara dan memulihara alam sekitar dipengaruhi oleh pengetahuan, kepercayaan, kebudayaan dan amalan kehidupan harian masyarakat (Abdullah 1999).

Justifikasi keperluan penglibatan orang awam dalam isu persekitaran

Fahaman environmentalisme sememangnya telah sekian lama wujud dan berkembang. Environmentalisme juga telah mula mencakupi aspek falsafah, agama dan politik. Kepelbagaiannya serta bertambah seriusnya masalah alam sekitar pada tahun 70-an dan 80-an membuatkan environmentalisme semakin berkembang dan pelbagai (Porter dan Brown 1991; Miller 1995). Terdapat pergerakan yang memperjuangkan kepentingan kesihatan awam, pengawetan alam semula jadi, pengekalan alam sekitar yang bersih, penjagaan hutan, perlindungan hidupan liar, pembangunan mampan dan sebagainya. Kesemua ini merupakan reaksi masyarakat terhadap masalah alam sekitar. Perbezaan pandangan ini mempengaruhi tindakan dan reaksi berbeza masyarakat terhadap permasalahan alam sekitar.

Umumnya penyertaan dan penglibatan masyarakat dalam isu-isu persekitaran dikenali dengan pelbagai nama, antaranya, 'kaedah berasaskan komuniti'; 'inisiatif berasaskan komuniti'; 'pengurusan persekitaran berdasarkan-komuniti'; 'usahasama'; 'pengurusan ekosistem akar-umbi'; 'perkongsian'; perlindungan persekitaran berdasarkan-komuniti' dan 'environmentalisme awam' (Haliza 2005).

Diperingkat global, isu penyertaan dan penglibatan masyarakat awam dalam hal berkaitan persekitaran telah lama diberi perhatian yang serius. Prinsip pengurusan sumber alam dan alam sekitar yang termaktub dalam laporan *Our Common Future* 1987 dan Deklarasi Rio 1992 misalnya antara lain menekankan penyertaan aktif orang ramai dalam mengurus sumber alam. Penjelasan mengenai keterlibatan masyarakat ini terkandung dalam Bahagian Memperteguhkan Peranan Kumpulan Utama (Berkepentingan) dalam bab 24, 25, 26, 27, 28, 29, 30, 31 dan 32 yang memperjelaskan satu persatu tentang golongan atau kumpulan yang terlibat dalam mencapai pembangunan mampan, antaranya golongan wanita, golongan belia dan kanak-kanak, golongan masyarakat asli dan komuniti sekitarnya, golongan pertubuhan bukan kerajaan, peladang dan masyarakat desa, saintis dan ahli teknologi, golongan pihak berkuasa perancang tempatan dan sebagainya.

Perlu disedari, penglibatan awam dalam proses perancangan semakin penting kerana kuasa yang dimiliki oleh orang awam mampu mengubah keputusan sesuatu projek terutama yang berpotensi menjelaskan persekitaran dan membawa impak negatif kepada masyarakat sekitarnya. Sebagai contoh, Projek Taman Antarabangsa Jerai yang menelan belanja RM17 ribu juta terpaksa dibatalkan kerana tidak mendapat persetujuan orang ramai, termasuk sebahagian daripada pemilik tanah di kawasan sekitarnya (Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan 2001). Kes lain membabitkan bantahan aktif masyarakat awam terhadap pembinaan insinerator di Broga yang dijangka membawa impak

negatif terhadap kualiti hidup penduduk di situ selain turut bekerjasama terutama dalam membuat laporan dan memberi maklumat kepada pihak berwajib tentang isu pembuangan haram sisa toksik seperti yang berlaku di Johor.

Di Malaysia, secara formal, isu keperluan penglibatan awam dalam konteks persekitaran diperuntukkan secara tersirat dalam dua peruntukan akta di peringkat kebangsaan iaitu Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 serta Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976. Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 menyatakan keperluan penyertaan awam dengan perlaksanaan Kesan Penilaian Terhadap Alam Sekitar (EIA) yang terkandung dalam Seksyen 34A akta tersebut. Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 pula memperuntukkan setiap Pihak Berkuasa Perancang Tempatan hendaklah mengadakan elemen penyertaan awam dalam proses penyediaan rancangan kemajuan kawasan. Proses tersebut merangkumi peringkat laporan pemeriksaan, draf rancangan struktur dan draf rancangan tempatan.

Kepentingan penglibatan orang awam dalam isu persekitaran

Penglibatan awam dalam isu alam sekitar bertitik tolak daripada kesedaran dan keprihatinan masyarakat terhadap kerosakan alam sekitar oleh aktiviti-aktiviti manusia (Fanning 1975). Hak bersuara bagi 'non-state actors' ini telah diakui dengan meluas di Eropah dan kebanyakan negara termasuk di Amerika Syarikat. Banyak kajian membuktikan apabila masyarakat setempat diberi ruang dan peluang untuk terlibat sama dalam mengurus sumber-sumber semulajadi, sokongan mereka terhadap pemeliharaan akan meningkat (McNeely 1992) dan kejayaan mengekalkan kawasan-kawasan yang dilindungi seperti hutan juga bergantung kepada sokongan masyarakat setempat.

Di Malaysia, hak mutlak masyarakat awam untuk turut serta dalam perancangan pembangunan di kawasan mereka terkandung dalam Seksyen 34A, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Penyertaan dan penglibatan masyarakat dalam isu-isu persekitaran sangat penting kerana ia menjadi asas kepada kejayaan program pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar di sesuatu negara. Kepekaan yang tinggi kalangan masyarakat dalam isu-isu persekitaran berupaya menjelaskan satu kaedah pembangunan yang seimbang antara sektor ekonomi, sosial dan ekologi. Keperluan keterlibatan dan tanggungjawab awam dalam semua proses perancangan, pembangunan dan pengurusan alam sekitar merupakan langkah positif ke arah pembangunan mampu.

Peranan masyarakat awam sebagai satu daripada kumpulan yang berkepentingan terhadap alam sekitar sangat penting kerana mereka berkeupayaan mempengaruhi keputusan penggubalan dasar supaya lebih menitikberatkan kesejahteraan alam sekitar. Golongan ini boleh melibatkan diri dalam isu-isu alam sekitar dengan bertindak sebagai kumpulan yang terus-menerus menjadi pemerhati, memantau status alam sekitar serta keberkesaan usaha pengurusannya. Namun, penglibatan aktif orang ramai dalam usaha memelihara dan memulihara alam sekitar bergantung kepada tahap kesedaran mereka mengenai alam sekitar, pengetahuan, kepercayaan, kebudayaan dan amalan kehidupan harian masyarakat. Penglibatan orang ramai terutama apabila mereka menganggotai sesuatu badan atau pertubuhan yang berkaitan bagi melindungi persekitaran termasuklah, menjalankan kempen kesedaran alam sekitar; membuat desakan; bantahan; melobi; membincangkan isu sumber alam dan alam sekitar serta menerbitkan bahan bacaan melalui media cetak dan elektronik; menjalankan penyelidikan dan membentangkan hasil kajian dalam forum, seminar dan sebagainya.

Terdapat beberapa alasan mengapa peranan orang awam dianggap sangat penting dalam pengurusan alam sekitar, antaranya (Abdullah 1999) :

- a) Sebarang aktiviti manusia akan memberi kesan sama ada baik atau buruk terhadap alam sekitar. Justeru, jika orang awam tidak mementingkan penjagaan alam sekitar, kemungkinan mereka mencemar alam sekitar melalui aktiviti harian sukar dielakkan.
- b) Kerjasama dan penglibatan orang awam sangat penting untuk melaksanakan sebarang polisi dan program alam sekitar yang dirangka oleh kerajaan. Oleh itu, jika orang awam bersikap dingin atau tidak mengendahkan rancangan berkenaan, sudah pasti matlamat pengurusan alam sekitar tidak akan berjaya.
- c) Orang awam boleh memainkan peranan sebagai pemerhati kepada masalah alam sekitar. Mereka juga boleh berperanan mendesak pemaju supaya tidak mencemar alam sekitar di samping memberi tekanan kepada pihak berkuasa agar tidak meluluskan cadangan projek pembangunan yang diketahui mencemar. Orang awam juga boleh menjalankan kempen, melobi, bahkan mendesak kerajaan supaya lebih serius mengawal alam sekitar.

Orang awam dan isu alam sekitar

Isu dan masalah alam sekitar mudah menarik perhatian dan boleh menjadi isu penting kalangan orang awam. Downs & Stocks (1977) menggariskan beberapa sebab mengapa orang awam lebih senang memperkatakan masalah alam sekitar dibandingkan dengan beberapa masalah sosial yang lain :

- a) masalah alam sekitar seperti penyahutanan boleh dilihat dengan jelas. Oleh itu orang ramai boleh merasai bahaya masalah ini.
- b) kesan alam sekitar tidak tertakluk kepada sempadan negara, fahaman politik, bangsa atau kaum. Dalam kata lain sebarang permasalahan alam sekitar membahayakan setiap individu tanpa mengira di ceruk dunia mana dia berada. Oleh itu, sesiapa sahaja berhak untuk memperkatakan mengenai masalah alam sekitar.
- c) masalah alam sekitar tidak tertumpu kepada mana-mana kaum, kelas, masyarakat dan wilayah berbanding masalah kemiskinan, pengangguran, diskriminasi dan sebagainya. Oleh itu, isu alam sekitar tidak merupakan perkara yang sensitif untuk diperkatakan dengan terbuka. Di samping itu, apabila timbul masalah alam sekitar, kesalahan selalunya diletakkan kepada pengusaha atau pemaju projek pembangunan berkenaan. Pihak kerajaan kurang dipersalahkan. Maka itu, orang ramai berasa agak selamat untuk memperkatakan isu alam sekitar.
- d) kebanyakan masalah alam sekitar memerlukan penyelesaian teknologi dan tidak kepada penyelesaian politik. Oleh itu, masalah ini tidak sesentitif masalah lain yang lebih menuntut kepada penyelesaian politik. Jadi isu ini kurang kontroversi dibandingkan dengan masalah sosial dan ekonomi.
- e) perbelanjaan terlibat menyelesaikan masalah alam sekitar membebarkan pengguna dengan menaikkan harga barang yang berkaitan. Orang ramai berminat untuk mengambil berat isu berkenaan kerana mereka mempunyai kepentingan.
- f) isu alam sekitar mungkin berpanjangan kerana sesetengah pihak sengaja meperbesarkan isu berkenaan untuk kepentingan tertentu. Dalam kata lain, isu alam sekitar terus mendapat perhatian umum untuk satu jangka masa yang agak lama.

- g) oleh sebab sifatnya yang sukar dipastikan, sesiapa sahaja boleh menuntut bahawa ia mempunyai kepentingan dalam sesuatu isu alam sekitar. Berdasarkan kepada kepercayaan ini orang ramai akan turut serta dalam isu yang ditimbulkan.

Dalam usaha memulihara alam sekitar, masyarakat seharusnya bergerak bersama dan seiring dengan pihak kerajaan dengan menyertai setiap program pemuliharaan alam sekitar yang dianjurkan sama ada memberi sokongan, bantuan dan yang paling penting turut menjaga keharmonian alam sekitar dengan tidak melakukan pencemaran. Jikalau keadaan ini wujud, misi kerajaan untuk membentuk ‘pencemaran sifar’ akan berjaya dan alam sekitar akan terjaga dari segala bentuk ancaman dan pencemaran (Mohmadisa & Mohamad Suhaily 2005).

Model dan corak penglibatan orang awam dalam isu berkaitan persekitaran

Persatuan peguam di Amerika Syarikat, *American Bar Association's Standing Committee on Environmental Law*, telah mengenalpasti tiga model umum berkaitan penglibatan awam dalam isu berkaitan persekitaran iaitu (Bear 1994):

- i) Model berasas kebapaan (memberi peruntukan bagi keperluan melibatkan orang awam tetapi tidak memberi mereka tanggungjawab) – “... kerajaan menjemput sebahagian penduduk untuk melibatkan diri dalam proses yang berlangsung mengikut jangka waktu yang ditentukan selaras dengan keperluan kerajaan”.
- ii) Model berasas sebulat suara – “setiap kumpulan yang menerima impak mengambil bahagian, seringkali menggunakan perwakilan yang telah dilantik oleh mereka sendiri” berlandaskan keputusan yang telah dicapai melalui sebulat suara.
- iii) Model berasas persengketaan atau konfrontasi – tindakan yang agak agresif, kumpulan yang menerima impak tersebut akan mengambil tindakan dengan mendakwa pihak yang menjelaskan alam sekitar.

Menurut Steelman dan Ascher (1997), corak penglibatan masyarakat awam dalam isu berkaitan persekitaran merangkumi beberapa kaedah. Yang pertama ialah pengundian yang merupakan kaedah perwakilan yang standard dengan wakil yang telah dipilih diandaikan akan bertindak bagi pihak masyarakat yang telah memilihnya. Yang kedua adalah pungutan suara awam di mana dasar yang mengikat dihasilkan melalui tindakan secara langsung oleh pengundi-pengundi. Yang ketiga adala penglibatan langsung yang tidak mengikat; masyarakat terlibat secara langsung dalam keseluruhan dialog sama ada melalui ulasan bertulis, mesyuarat terbuka, panel penasihat atau pendengaran awam. Dan yang keempat ialah dasar yang mengikat secara langsung; iaitu masyarakat atau kumpulan yang berkepentingan mewujudkan dasar yang mengikat dan melantik jawatankuasa rasmi untuk bertindak bagi pihak mereka seperti membicara atau mendakwa.

Faktor yang mempengaruhi tahap/corak penglibatan masyarakat awam dalam isu persekitaran

Analisis yang dijalankan oleh Haliza (2005) menunjukkan tahap penglibatan masyarakat awam dalam isu-isu berkaitan persekitaran terbahagi kepada beberapa golongan iaitu. Yang pertama adalah golongan yang berminat atau tertarik dengan isu persekitaran tetapi tidak aktif melibatkan diri. Golongan ini biasanya paling ramai. Yang kedua adalah

golongan yang bersimpati. Iaitu walaupun tidak begitu memberi perhatian atau prihatin terhadap isu persekitaran, namun memberikan sokongan terhadap usaha meningkatkan dan melindungi kualiti persekitaran. Yang ketiga adalah golongan berkecuali. Iaitu mereka yang hanya mempunyai sedikit minat tentang persekitaran dan lazimnya tidak mengambil berat isu persekitaran.

Selain itu, tahap penyertaan dan penglibatan masyarakat awam dalam isu persekitaran juga didapati bergantung kepada (Haliza 2005):

- i) sejauhmana mereka diberi peluang dan ruang untuk terlibat secara langsung berhubung dengan sesuatu isu khususnya hak untuk mendapatkan maklumat berkenaan isu tersebut;
- ii) sejauhmana mereka telah didedahkan mengenai hak mereka untuk terlibat dan kepentingan mereka melibatkan diri dalam isu persekitaran khususnya dalam mempengaruhi keputusan sesuatu rancangan atau dasar yang dibuat;
- iii) apakah prosedur, saluran dan teknik yang boleh digunakan oleh mereka untuk menyalurkan segala permasalahan yang dihadapi kepada pihak yang berkenaan; dan
- iv) apabila mereka telah melibatkan diri secara langsung adakah jaminan yang segala aduan berkaitan ketidakpuasan hati mereka tentang sesuatu isu atau masalah yang dibangkitkan itu diambil tindakan yang sewajarnya oleh pihak yang berwajib.

Beberapa contoh penglibatan masyarakat awam di Malaysia dalam isu persekitaran

Kini di dunia lebih banyak golongan masyarakat yang bersedia untuk mempertahankan sumber dan alam sekitar daripada ancaman pihak lain selain berusaha menghentikan kemerosotan sumber dan kemasuhan alam sekitar. Gerakan alam sekitar di Amerika Syarikat misalnya dengan cepat mempengaruhi masyarakat awam pada awal 1980-an, bermula daripada kempen kebangsaan kepada kempen tempatan terhadap bahan buangan toksik dan perlindungan air bawah tanah. Di Jerman Barat, kebangkitan *Green Party* yang bertujuan menghidupkan semula gerakan "daya usaha rakyat" pada tahun 1960-an dan 1970-an telah membangkitkan kesedaran masyarakat awam yang mendalam tentang alam sekitar dan mendesak pemimpin negara supaya melihat alam sekitar dengan jelas dan konkret (Durning 1990).

Di Asia pula, sebagai contoh, pada bulan November 1987, seramai 2,000 orang buruh dan petani kasta rendah dari Karnataka, India melakukan satu tindakan paling aneh untuk menentang pemerintahan Gandhi : mereka menebang 100 batang pokok yang merupakan sebahagian daripada kempen kerajaan dalam penghutanan semula. Tindakan ini sebagai bantahan terhadap tindakan kerajaan memberi kebenaran kepada syarikat swasta menanam pokok kayu putih yang digunakan untuk mengeluarkan sutera tiruan di atas tanah yang lazimnya dijadikan tempat golongan miskin mencari kayu api. Selain itu, Apabila hutan di Kenya musnah, beribu-ribu kumpulan wanita, persatuan belia dan persatuan *harambee* memperhebatkan usaha penanaman pokok di situ (Durning 1990). Pada tahun 1977 misalnya, Majlis Wanita Kebangsaan Kenya telah memperkenalkan Gerakan Kawasan Hijau (*Greenbelt Movement*) yang menyeru agar kumpulan wanita di seluruh negara memenuhi kawasan lapang, padang sekolah dan tepi jalan dengan hutan. Ekoran daripada kempen itu, lebih sejuta pokok di 1,000 buah kawasan hijau kini memperlihatkan kesuburnanya, 20,000 kawasan mini hijau mulai tumbuh selain

membangunkan sebanyak 670 buah tapak semaian pokok komuniti. Selanjutnya, pada tahun 1985, rangkaian pembangunan wanita terbesar di Kenya iaitu Maendelco Ya Wanawake yang dianggotai oleh 10,000 orang telah memulakan kempen untuk membina dapur yang menjimatkan penggunaan kayu api (Durning 1990).

Penjanaan kesedaran masyarakat terhadap pemuliharaan alam sekitar sebenarnya melibatkan tiga peringkat iaitu persepsi, tindakan dan koordinasi. Persepsi terhadap sesuatu perkara berkaitan alam sekitar mempengaruhi sikap manusia dan sikap ini dikenali sebagai etika alam sekitar. Menurut Chelliah (1990), etika alam sekitar ialah prinsip kebenaran atau tingkah laku yang baik, tanggapan yang baik serta gerak balas sesuai terhadap isi pelajaran ekologi, khasnya kehidupan dan alam sekeliling. Ia menolong manusia memberi perhatian pada aktiviti-aktiviti ekologi dan alam sekitar.

Di Malaysia, pada peringkat awal, kebanyakan aduan yang diterima berhubung permasalahan alam sekitar datangnya daripada rakyat asing yang lebih sensitif dan yang lebih biasa menulis surat kepada pihak berkuasa dan akhbar. Pihak berkuasa pula lebih banyak memberi sambutan kepadaan adua-aduan yang dibuat oleh kumpulan elit seperti ini, yang walaupun kecil bilangannya, tetapi agak berpengaruh. Pada keseluruhannya, aduan-aduan dari kumpulan elit masih berpengaruh dan sehingga sekarang pun kita masih belum pasti sama ada sebilangan besar daripada aduan-aduan dari masyarakat biasa di bandar dan luar bandar benar-benar diberi pertimbangan serta perhatian yang adil dan saksama. Apatah lagi apabila mereka inilah yang sering merupakan mangsa pertama dalam sesuatu pencemaran (Gurmit Singh 1990).

Tren menunjukkan pada mulanya aduan-aduan yang diterima daripada orang ramai biasanya berkisar pada permasalahan alam sekitar yang dianggap tidak begitu kompleks seperti parit yang berbau busuk, kekurangan pokok-pokok yang rimbun dan pembunuhan binatang liar. Walau bagaimanapun, menjelang tahun 1970-an, apabila kesedaran terhadap alam sekitar mula meresap dan kumpulan-kumpulan orang ramai mula ditubuhkan, maka minat terhadap alam sekitar juga semakin jelas. Misalnya, menjelang tahun 1976, Persatuan Perlindungan Alam Sekitar (EPSM) telah menerbitkan maklumat mengenai BOD bagi Sungai Kelang dan CAP menerbitkan kajiannya mengenai pencemaran Sungai Juru. Ini telah mencetuskan polemik yang panjang lebar mengenai pencemaran air di akhbar-akhbar tempatan. Orang ramai pula didapati mula menulis surat kepada akhbar berbahasa Inggeris dan Malaysia berhubung isu tersebut (Gurmit Singh 1990).

Isu dan permasalahan alam sekitar yang semakin serius menyebabkan beberapa persatuan alam sekitar yang melibatkan penyertaan dan penglibatan orang ramai ditubuhkan. Antara persatuan alam sekitar yang terawal ditubuhkan ialah Persatuan Perlindungan Alam Sekitar Selangor yang ditubuhkan pada tahun 1974 yang kemudiannya diberi nama Persatuan Perlindungan Alam Sekitar Malaysia (EPSM) pada tahun 1977. persatuan-persatuan lain termasuklah Sahabat Alam Malaysia (SAM), Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP), Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA) dan Persatuan Pencinta Alam (MNS). Walaupun terdapat tanda-tanda kesedaran alam sekitar kalangan orang ramai di Malaysia telah meningkat tetapi sokongan mereka kepada persatuan alam sekitar masih rendah. Kebanyakan persatuan ini menghadapi masalah mendapatkan kerjasama orang ramai. Bahkan terdapat juga segolongan masyarakat yang memandang negatif kepada persatuan-persatuan ini (Abdullah 1999).

Tahun 1977 menandakan peningkatan minat orang ramai yang agak ketara dalam isu-isu persekitaran. Usaha-usaha bagi menyelamatkan Taman Negara Endau-Rompin yang dicadangkan telah menjadi isu penting kalangan rakyat dan mengakibatkan penubuhan kumpulan campuran rakyat yang pertama yang dipimpin oleh EPSM dengan dibantu oleh MNS dan pertubuhan-pertubuhan lain untuk menyelamatkan taman tersebut. Akhbar-akhbar memberi liputan berita yang meluas dan ahli-ahli politik turut melahirkan sokongan dan lebih 5,000 tandatangan telah dikumpul. Perayaan Hari Alam Sekitar Sedunia bagi kali pertamanya juga telah memungkinkan EPSM mengutip 1,500 tandatangan lagi. Akhirnya pada tahun 1978, satu kemenangan telah tercapai di pihak orang ramai mengenai kes Endau-Rompin apabila usaha pembalakan diberhentikan sama sekali setelah kawasan seluas 12,500 ekar ditebang daripada sejumlah 30,000 ekar yang telah dikonsesikan.

Selanjutnya pada tahun 1982, rancangan membina Empangan Tembeling telah dihidupkan semula. EPSM telah mengetuai Jawatankuasa Penyelarasaran Tembeling yang terdiri daripada 11 buah organisasi untuk melancarkan kempen menentang projek tersebut. Hampir 100,000 masyarakat Malaysia menyokong kempen tersebut walaupun liputan akhbar tidaklah sebaik kes Endau-Rompin. Akhirnya cadangan membina Empangan Tembeling dibatalkan pada awal tahun 1983.

Penglibatan dan minat orang ramai terhadap isu alam sekitar juga didapati semakin bercambah dan berkembang dari semasa ke semasa melalui penglibatan aktif mereka dalam beberapa isu persekitaran di negara ini. Kes Projek Empangan Sungai Selangor misalnya mendapat bantahan daripada beribu-ribu surat elektronik (e-mel) yang diterima oleh beberapa buah laman sawang yang dicipta khusus untuk membolehkan masyarakat menyuarakan pandangan berkait dengan projek ini. Sebuah persatuan yang menggelarkan diri mereka sebagai *Concerned for Sg. Selangor* (CFSS) telah mengadakan hari terbuka bertujuan mendedahkan kesan buruk yang akan berlaku akibat daripada pembinaan Empangan Sungai Selangor.

Dalam tempoh dua hari sahaja terdapat lebih 7,000 tandatangan dikumpul menyatakan bantahan terhadap projek berkenaan. Begitu juga dengan surat-surat tidak formal yang diterima oleh Jabatan Alam Sekitar sebelum tarikh tutup pameran iaitu pada 15 April 1999. Sebanyak lebih 10,000 surat yang mempersoalkan pembinaan Empangan Sungai Selangor tersebut telah diterima (Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan 2001). Kesemua data ini menggambarkan tentang penglibatan aktif masyarakat dalam menentang sesuatu projek pembangunan yang membawa impak negatif terhadap alam sekitar dan masyarakat.

Pada Julai 2007, bantahan majoriti penduduk Subang Jaya berhubung hasrat Syarikat United Estate Project (UEP) untuk mengorbankan kawasan rekreasi di Taman Subang Ria, di sini menjadi pembangunan komersial akan dibawa ke Mesyuarat Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) dalam tempoh terdekat. Cadangan UEP untuk membangunkan kawasan seluas 29.3 hektar (72.63 ekar) itu secara komersial dengan pembangunan bercampur mendapat bantahan daripada penduduk kerana dikhuatiri merosakkan alam sekitar kawasan tersebut. Kemuncaknya pada 16 Julai lalu, seramai kira-kira 1,700 penduduk telah hadir pada majlis pendengaran awam bagi meluahkan pandangan dan bantahan sebelum pembangunan ini dilaksanakan. Hampir kesemua penduduk tidak

bersetuju dan berpendapat pembangunan ini jika dilaksanakan akan merosakkan alam sekitar selain menjadikan kawasan Subang Jaya semakin sesak.

Terdapat juga beberapa contoh lain berkaitan penglibatan orang awam dalam isu yang membabitkan persekitaran. Sebagai contoh, penduduk Kampung Baru Subang misalnya telah berhimpun menunjuk perasaan menentang pencemaran udara yang disebabkan oleh sebuah kilang kimia; penduduk SS2 di Petaling Jaya melahirkan rasa kurang senang terhadap cara pengutipan sampah; sejumlah 1,500 orang penduduk Kampung Pahi, Kota Bharu membuat bantahan terhadap pencemaran Sungai Pahi yang disebabkan oleh kilang getah dan kelapa sawit; seramai 1,200 orang penduduk yang tinggal di sekitar Kompleks LKN di Simpang Empat, Perlis telah membuat sungutan tentang pencemaran udara yang diakibatkan oleh kerja mengilang dan membakar; kira-kira 800 penduduk Sungai Setol, Bukit Mertajam membuat sungutan mengenai pencemaran udara dari bengkel/kedai tukang besi; penduduk Taman Palmgrove, Klang telah mengadakan pertemuan dengan Presiden Majlis Bandaran bagi membincangkan tindakan mereka hendak menyelamatkan sebuah kawasan hijau manakala 500 keluarga di Kampung Seri, Kuala Lumpur pula telah meluahkan rasa tidak puas hati terhadap pencemaran udara yang diakibatkan oleh pembakaran longgokan sampah (Gurmit Singh 1990). Terkini, pada Jun tahun 2009 pula, penduduk Kampung Bukit Koman, Raub, Pahang melalui Jawatankuasa Bertindak Menentang Penggunaan Sianida Dalam Perlombongan Emas oleh Syarikat Raub Australian Gold Mining Sdn. Bhd telah membawa kes ke Mahkamah bagi membatalkan keputusan Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar (JAS) yang meluluskan Laporan Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA) bagi projek perlombongan emas di kawasan tersebut kerana mendakwa mereka mengalami masalah kesihatan akibat penggunaan bahan kimia sianida dalam projek berkenaan (Utusan Malaysia 2 Jun 2009).

Senario dan tren penglibatan masyarakat awam di malaysia dalam isu persekitaran

Kemajuan kebendaan dan terhakisnya nilai-nilai moral dan agama menjadikan manusia tidak lagi peduli kepada persekitarannya. Justeru, hubungan manusia dengan alam sekitar sering dilihat lebih menguntungkan satu pihak sahaja dan manusia selalunya tidak berlaku adil kepada alam sekitar. Rentetan daripada itu masalah alam sekitar seperti pencemaran udara, air, bunyi, sisa pepejal, sisa toksik, hakisan tanah, kemusnahan hutan dan ekosistem semulajadi, penghakisan lapisan ozon dan peningkatan suhu global telah menjadi isu-isu penting dewasa ini.

Perkembangan ini menuntut agar peranan orang ramai sebagai satu daripada kumpulan yang berkepentingan terhadap alam sekitar dipertingkatkan kerana golongan ini berkeupayaan mempengaruhi keputusan penggubalan dasar. Masyarakat awam melibatkan diri dalam isu-isu alam sekitar dengan bertindak sebagai kumpulan yang terus-menerus menjadi pemerhati, memantau status alam sekitar serta keberkesanan usaha pengurusannya. Namun begitu, penglibatan aktif orang ramai dalam usaha memelihara dan memulihara alam sekitar bergantung kepada tahap kesedaran mereka mengenai alam sekitar, pengetahuan, kepercayaan, kebudayaan dan amalan kehidupan harian masyarakat.

Walaupun isu persekitaran kedengaran hampir setiap hari, namun, senario dan tren di Malaysia menunjukkan masyarakat awam di negara ini seolah-olah tidak berminat untuk turut serta dan terlibat dalam isu berkaitan persekitaran di kawasan mereka. Hal

ini terbukti kerana, walaupun mereka mempunyai hak mutlak untuk berbuat demikian (khususnya dalam kaedah *Environmental Impact Assessment* (EIA)), namun peluang tersebut tidak diambil dengan baik (Mansor Ibrahim 1998; Goh 1991). Inilah yang dirujuk oleh Chan (1997) sebagai '*public apathy*' yang dihadapi oleh masyarakat Malaysia dalam aspek kepekaan persekitaran dan pemuliharaannya. Hal ini kerana kepekaan terhadap pemuliharaan alam sekitar harus memerlukan kepekaan yang mendalam kalangan masyarakat (Ezrin 2000). Sebenarnya kesedaran masyarakat awam dalam isu persekitaran dipengaruhi dan didorong oleh banyak faktor, antaranya latar belakang, budaya, gaya hidup, pengalaman, faktor umur, tahap pendidikan, luar bandar/bandar dan sebagainya. Dari aspek etika persekitaran, sukar dinilai sama ada masyarakat Malaysia mempunyai satu bentuk sistem nilai berhemah terhadap alam sekitar seperti yang ditunjukkan oleh masyarakat di barat. Di negara ini, walaupun terdapat tanda-tanda bahawa kesedaran alam sekitar di kalangan masyarakat telah meningkat tetapi sokongan serta penglibatan mereka dalam isu-isu tersebut masih minimum.

Tahap kesedaran dan penglibatan masyarakat dilihat masih lagi rendah dalam isu-isu alam sekitar kerana kurangnya pegetahuan, kefahaman dan keterdedahan terhadap isu-isu berkenaan. Ketidakupayaan agensi-agensi yang terlibat memberi penekanan terhadap kepentingan penglibatan orang awam dalam perlaksanaan program atau projek mereka malahan kadangkala tidak menyediakan mekanisme dan kuasa untuk orang awam melibatkan diri selain gagal mengambil tindakan susulan yang sewajarnya terhadap aduan, rungutan dan permasalahan yang dihadapi oleh masyarakat awam juga telah membantutkan minat orang awam untuk turut terlibat dalam isu-isu berkaitan persekitaran (Haliza 2005). Kesedaran masyarakat tentang kepentingan memelihara dan memulihara alam sekitar didapati hanya terarah kepada projek pembangunan yang mengancam nilai estetik atau warisan masyarakat dan yang melibatkan kejadian bencana atau pencemaran. Aspek pembangunan yang melibatkan impak 'kurang ketara' seperti perubahan dasar dan perancangan, gangguan keselesaan komuniti atau tekanan terhadap sumber asli seperti hutan dan tanah tinggi masih belum diberikan perhatian sewajarnya oleh orang awam.

Selain itu, keanggotaan masyarakat dalam pertubuhan bukan kerajaan berdasarkan persekitaran juga didapati masih rendah. Menurut Dr. Salleh Mohd Nor (bekas Presiden Persatuan Pecinta Alam Malaysia (MNS)) sehingga Mei 2008, keanggotaan orang ramai sebagai ahli MNS hanyalah berjumlah kira-kira 4,000 orang sahaja. Keanggotaan yang terhad ini menyukarkan MNS menjadi sebuah komuniti yang kuat serta menjadi suara kepada kerajaan dalam menyampaikan agenda kesedaran alam sekitar dengan lebih berkesan. Hal ini kerana dengan keanggotaan yang sangat terhad ini, suara dan usaha MNS terlalu lemah untuk berjuang kepada keamanan dan kelestarian alam sekitar (Mohd. Khuzairi 2008).

Bagi melihat tahap kesedaran dan keprihatinan masyarakat negara ini berkaitan alam sekitar kita beberapa contoh di bawah. Masyarakat negara ini boleh dianggap terlalu cuai dan boros ketika menggunakan komponen alam sekitar yang sangat penting, iaitu air. Adakah penyebabnya kerana kos seliter air yang begitu murah selain sumber bekalan air yang mudah didapati? Memang diakui terdapat pembaziran yang amat ketara di negara ini – daripada penggunaan alat penyembur berkuasa tinggi di tempat mencuci kereta awam, ke menyiram pokok oleh pihak berkuasa tempatan, sehinggalah kepada penggunaan berlebihan oleh masyarakat terutama di bilik mandi bagi tujuan hanya untuk

membasuh tangan atau mengambil wuduk. Kajian menunjukkan di Malaysia, kadar penggunaan air bagi seorang individu sekitar 300 liter sehari dan di kawasan bandar mencecah 500 liter, sedangkan jumlah yang disyorkan hanya 50 liter iaitu 25 liter untuk tujuan kebersihan diri dan 5 liter lagi untuk minum serta memasak (*Utusan Malaysia* 2 Ogos 2006). Masyarakat di negara ini harus disedarkan bahawa dunia seluruhnya sedang menghadapi masalah persekitaran yang serius khususnya untuk mendapatkan air bersih, dan menjelang tahun 2025, dua daripada tiga orang penduduk bumi tidak akan dapat menikmati keperluan asas yang penting untuk terus hidup iaitu bekalan air bersih. Justeru itu masyarakat haruslah lebih menghargai setiap komponen alam sekitar termasuk air agar kelangsungan hidup mereka dapat diteruskan. Perkara ini berlaku disebabkan tahap kesedaran dan keprihatinan masyarakat dalam isu yang membabitkan alam sekitar dan sumbernya masih lagi rendah.

Pada malam 31 Mac 2008 lalu, ketika kebanyakan negara di seluruh dunia bersatu tenaga meringankan beban kesakitan Bumi dengan bergelap selama kira-kira satu jam (menyaksikan monumen ikon dunia seperti Opera House di Sydney, jambatan Golden Gate di San Francisco dan bangunan tertinggi Amerika Syarikat, Menara Sears di Chicago bergelap), kebanyakan kawasan di negara ini terutamanya di ibu kota Kuala Lumpur masih terang-benderang walaupun hakikatnya rakyat Malaysia merupakan antara warganegara teramai yang memberikan sokongan terhadap usaha itu (yang digerakkan secara *online*) dengan mendaftar pada laman web tersebut. Perkara ini sekali lagi menunjukkan bukti bahawa sikap orang kita yang hanya pandai bercakap tetapi tidak bertindak (Mohd. Khuzairi 2008). Sepatutnya rakyat Malaysia sewajarnya mengambil peluang tersebut bagi menunjukkan rasa cinta dan prihatin yang mendalam terhadap alam sekitar.

Berkaitan isu denggi pula, pada tahun 2009 sahaja kerajaan terpaksa memperuntukkan sebanyak RM50 juta untuk kempen agresif menangani wabak demam denggi di seluruh negara berikutan peningkatan ketara penyakit ini di seluruh negara. Statistik terkini sehingga 7 Mac 2009 lalu mencatatkan sebanyak 10,916 kes dan situasi ini jelas membimbangkan (*Utusan Malaysia* 16 Mac 2009). Saban tahun peningkatan penyakit demam denggi sering dikaitkan dengan sikap dan kurangnya kesedaran kalangan masyarakat negara ini terhadap usaha pencegahan penyakit tersebut walaupun terdapat kempen yang giat khususnya daripada Kementerian Kesihatan melalui televisyen, radio, pengedaran risalah, ceramah dan sebagainya berkaitan usaha pencegahan penyakit ini. Perkara ini selaras dengan komen Menteri Kesihatan, Datuk Seri Liow Tiong Lai bahawa peningkatan kes demam denggi menuntut komitmen semua pihak untuk bersama-sama menanganinya terutama orang awam. Menurut beliau lagi, masyarakat perlu disedarkan bahawa tanggungjawab menghapuskan kitaran hidup nyamuk aedes perlu dilakukan bersama dan tidak meletakkan seratus peratus bergantung kepada kerajaan (*Utusan Malaysia*, 16 Mac 2009). Penyebaran penyakit ini boleh diatasi jika masyarakat peka dan sentiasa menjaga kebersihan terutama di kediaman masing-masing.

Isu pencemaran sungai juga tidak pernah selesai. Sungai di negara kita sering dihumbangkan dengan pelbagai bahan pencemar khususnya sisa pepejal yang merangkumi perabot lama, peralatan elektrik, kertas, bekas plastik, botol, bekas makanan, sisa tumbuhan, malah mayat bayi. Jika mengikut kategori kelas sungai, mungkin amat sedikit sungai yang boleh diletakkan di bawah kategori pertama iaitu yang airnya boleh terus diminum tanpa rawatan. Yang lainnya mungkin sekali berada dalam empat kategori lagi sama ada Kelas

2 - airnya memerlukan rawatan biasa; Kelas 3 - air nampak bersih, tidak berbau tetapi kualitinya tercemar dan manusia tidak boleh berenang di dalamnya; Kelas 4 - tercemar; dan kelas 5 - hampir mati. Bagi Kelas 4 dan 5, airnya busuk dan hitam. Kajian Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) pada tahun 2009 antara lain mendapati 7 batang sungai - empat di Johor, dua di Pulau Pinang dan satu di Melaka berhadapan dengan tahap pencemaran yang tinggi; setelah kajian menyeluruh dilakukan ke atas 184 batang sungai di seluruh negara. Justeru, bagi mengatasi permasalahan ini Kerajaan Negeri Johor misalnya terpaksa memperuntukkan sebanyak RM94 juta untuk membersih sisa pepejal di tiga sungai utama di bandar raya Johor Bahru iaitu Sungai Tebrau, Sungai Segget dan Sungai Skudai (Utusan Malaysia 11 Mei 2009). Usaha ini dilakukan bagi meningkatkan keupayaan sungai-sungai terbabit untuk menampung air hujan untuk mengelakkan daripada berlakunya banjir terutama ketika musim tengkujuh. Ketiga-tiga sungai berkenaan teruk tercemar kerana penduduk, kilang dan perniagaan sering membuang sisa pepejal dan kumbahan terus ke sungai berkenaan tanpa dirawat terlebih dahulu. Semua ini menunjukkan Kempen Cintailah Sungai Kita yang dilancarkan sejak tahun 1993 tidak banyak merubah keadaan sungai dan minat masyarakat secara menyeluruh terhadap sungai kerana kempen tersebut seolah-olah gagal memperbaiki kualiti air sungai di negara kita.

Justeru, menurut Noorazuan (2007), ketidakprihatinan masyarakat ke atas isu pemuliharaan dan pemeliharaan alam sekitar telah dijadikan faktor utama bagi pihak pengguna di Malaysia tidak membentuk badan-badan bertanggungjawab dalam menangani permasalahan berkaitan persekitaran (etika perancangan selalunya sangat berkaitan dengan tahap kemampuan masyarakat dalam menilai sesuatu fenomena). Rentetan daripada ketidakprihatinan masyarakat terhadap ekologi persekitaran ini juga telah melahirkan pihak pengguna yang tidak proaktif dalam mengawal kualiti persekitaran. Faktor ini sedikit sebanyak menyukarkan usaha memelihara dan memulihara alam sekitar di negara ini.

Langkah meningkatkan tahap penglibatan masyarakat awam dalam isu persekitaran

Bagi meningkatkan tahap penyertaan dan penglibatan masyarakat awam daripada golongan yang tidak aktif melibatkan diri kepada golongan yang betul-betul berminat, mengambil berat/prihatin dan aktif melibatkan diri dalam isu persekitaran, langkah-langkah berikut disarankan:

- i) Pertubuhan berasaskan komuniti seperti Jawatankuasa/Persatuan penduduk, Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung (JKKK) harus berperanan lebih besar dan menjalinkan kerjasama dengan NGOs bagi mengambil langkah yang proaktif untuk menjana dan meningkatkan kesedaran dan kefahaman lebih ramai golongan masyarakat terhadap kepentingan melibatkan diri berkaitan isu persekitaran setempat.
- ii) Mewujudkan kaedah yang lebih berkesan dan tersusun seperti menganjurkan lebih banyak forum, seminar, dialog, bengkel dan persidangan untuk masyarakat awam bagi mendidik dan mendedahkan mereka dengan pengetahuan, maklumat dan kesedaran mengenai kepentingan memulihara dan memelihara alam sekitar di samping mendapatkan maklumbalas dan pandangan bernes mereka dalam usaha merangka strategi pembangunan dan persekitaran yang lebih baik.

- iii) Pengetahuan dan kepekaan masyarakat awam mengenai dasar dan perundangan berkaitan serta agensi yang terlibat dalam proses pembangunan khususnya yang membabitkan persekitaran mestilah dipertingkatkan.
- iv) Pendekatan perancangan bercorak atas-bawah dikurangkan manakala perancangan bercorak bawah-atas haruslah dipertingkatkan bagi membuka ruang dan peluang yang lebih besar kepada masyarakat awam melibatkan diri dalam isu persekitaran dan pemuliharaan.
- v) Agensi kerajaan yang terlibat haruslah sentiasa turun padang bagi memberi penerangan dan penjelasan kepada masyarakat awam tentang perkara yang membabitkan pembangunan dan persekitaran untuk mengelakkan timbulnya persengketaan antara golongan masyarakat, pihak pemaju projek dan agensi kerajaan sendiri iaitu bagi menjamin keserasian dan penerimaan semua projek yang dilaksanakan. Agensi terbabit juga harus mengurangkan karenah birokrasi dan protokol untuk memudah dan menggalakkan penyertaan awam.
- vi) Segala penerangan, perbincangan dan perundingan antara agensi, kerajaan, pihak swasta dan masyarakat awam haruslah diadakan secara menyeluruh, terkamir dan telus, serta lebih prihatin terhadap kesan pembangunan kepada kesihatan alam sekitar dan impaknya terhadap keadaan sosio-ekonomi masyarakat setempat (Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan 2001) di samping dapat memperkuuhkan perhubungan, persefahaman dan kerjasama yang lebih erat antara mereka.
- vii) Menyediakan pangkalan data dan maklumat yang lengkap, sentiasa dikemaskini serta mudah diakses bagi memudahkan masyarakat awam membuat rujukan dan seterusnya mengambil tindakan yang bersesuaian bagi menangani isu tersebut.
- viii) Menggunakan dan memperluaskan peranan media massa berbentuk elektronik dan bukan elektronik dalam program dan kempen kesedaran awam agar matlamat dan aktiviti masyarakat dalam isu persekitaran lebih berkesan dan terarah. Pihak kerajaan juga harus menghebahkan semua dasar dan peraturan sama ada baru atau perubahannya, perancangan dan aktiviti pembangunan negara secara meluas dan menyeluruh melalui semua saluran media massa supaya masyarakat awam lebih berpeluang melibatkan diri dalam isu persekitaran.

Lazimnya penglibatan awam hanya merupakan keperluan sampingan dan biasanya diperkenalkan dalam bentuk inisiatif individu atau kelompok dalam sesebuah organisasi. Hak dan keinginan orang awam untuk terlibat secara langsung dalam isu persekitaran di kawasan mereka adalah selari dengan prinsip demokrasi yang menekankan setiap individu mempunyai hak untuk mendapatkan maklumat. Hak diajak berunding dan hak menyampaikan pandangan dalam perkara yang menjas dan mengancam kepentingan dan kesejahteraan mereka (ubahsuaian daripada Jabatan Perancang Bandar & Desa Negeri Selangor dan LESTARI UKM 1999). Namun, bagi penggerak projek, penglibatan awam mungkin hanya untuk memenuhi kehendak perundangan dan garis panduan kelulusan projek manakala bagi pihak awam pula, peluang penglibatan ini digunakan untuk pelbagai maksud bergantung kepada kepentingan pelbagai pihak berkepentingan (Jabatan Perancang Bandar & Desa Negeri Selangor dan LESTARI UKM 1999).

Hakikatnya, kesedaran dan penglibatan masyarakat awam terhadap isu pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar sangat penting kerana dalam jangka panjang tindakan ini akan menentukan nasib dan menjamin kemandirian alam sekitar itu sendiri. Di samping

itu, ia berupaya mengelakkan daripada wujudnya persengkataan iaitu pertentangan atau bantahan secara terang-terangan antara penduduk dengan pihak pemaju pembangunan/ agensi yang terlibat dalam proses pembangunan di kawasan mereka. Penglibatan dan kerjasama masyarakat awam dalam isu berkaitan persekitaran harus diberi perhatian kerana sebagai salah satu pihak yang berkepentingan di sesuatu kawasan, mereka biasanya mahir dan amat memahami keadaan persekitaran tempat tinggal mereka. Justeru, mereka mampu memberi dan menyumbang maklumat asas yang berguna bagi mengelakkan timbulnya masalah persekitaran yang lebih serius kesan daripada pembangunan yang dijalankan.

Sebaliknya terdapat juga kecaman tentang tahap penglibatan orang awam dalam isu persekitaran. Hal ini kerana walaupun wujud kesedaran awam untuk melibatkan diri namun tahap penglibatan mereka masih lagi rendah. Masyarakat awam didapati masih enggan melibatkan diri secara formal atau terancang dalam kebanyakan proses yang disediakan untuk keterlibatan mereka seperti membuat ulasan laporan EIA dan pelan struktur perbandaran. Malahan tahap penglibatan secara *ad-hoc* hanya didapati berlaku pada peringkat pertengahan atau akhir perlaksanaan sesuatu projek khususnya apabila wujud impak negatif yang ketara sehingga menganggu keselesaan masyarakat setempat. Dalam keadaan begini tidak banyak usaha pemulihan dan penghindaran dapat dilakukan sama ada oleh pemaju projek atau Pihak Berkuasa Perancang Tempatan. Sehingga kini, didapati penyertaan awam hanya terarah kepada projek pembangunan yang mengancam nilai estetik atau warisan masyarakat dan yang melibatkan kejadian bencana atau pencemaran. Aspek pembangunan yang melibatkan impak ‘kurang ketara’ seperti perubahan dasar dan perancangan, gangguan keselesaan komuniti atau tekanan terhadap sumber asli masih belum diberikan perhatian sewajarnya oleh golongan berkepentingan (Jabatan Perancang Bandar & Desa Negeri Selangor dan LESTARI UKM 1999).

KESIMPULAN

Senario dan tren di Malaysia menunjukkan masyarakat awam di negara ini seolah-olah tidak berminat untuk turut serta dan terlibat dalam isu berkaitan persekitaran di kawasan mereka. Walaupun Malaysia mengamalkan sistem demokrasi namun aspek penglibatan awam yang menyeluruh dalam proses membuat keputusan kerajaan masih sangat terhad. Keutamaan untuk mendapatkan maklumbalas daripada orang awam sangat penting kerananya merupakan penunjuk asas dalam menilai kemajuan perlaksanaan pembangunan mampan. Ini membawa maksud yang mereka perlu dirundingi dan pandangan mereka harus dijadikan asas pertimbangan dalam perancangan dan perlaksanaan sesuatu projek pembangunan yang mengancam alam sekitar. Kepincangan ini masih sangat ketara dan perlu diberikan perhatian khusus. Dari aspek etika persekitaran, sukar dinilai sama ada masyarakat Malaysia mempunyai satu bentuk sistem nilai berhemah terhadap alam sekitar seperti yang ditunjukkan oleh masyarakat di barat. Di negara ini, walaupun terdapat tanda-tanda bahawa kesedaran alam sekitar di kalangan masyarakat telah meningkat tetapi sokongan serta penglibatan mereka dalam isu-isu tersebut masih minimum.

[Penulis ingin merakamkan Penghargaan kepada Universiti Sains Malaysia kerana membiayai kajian ini di bawah Geran Universiti Penyelidikan (RU).]

RUJUKAN

- Abdullah Mohamad Said, 1999, *Pengurusan Sumber dan Alam Sekitar*, BIROTEKS ITM, Shah Alam.
- Bear, D 1994, 'Public Participation in Environmental Desision-making. American Bar Association Standing Committee on Environmental Law,' Washington DC.
- Canter, LW 1977, *Environmental impact Asessment*, McGrowth-Hill Book Company, New York.
- Chan, NW 1997, 'The Role of Public Participation in Averting Environmental Disasters in Malaysia: Some Examples and Observations,' *Jurnal Pendidikan Tinggi*, Jilid 4 USM, Academic and Administrative Staff Association, hlm. 49-60.
- Chelliah, T 1990, 'Pendidikan dan Alam Sekitar,' Sham Sani dan Abdul Samad Hadi (Pnyt.), *Pembangunan dan Alam Sekitar di Malaysia*, Dewan Bahasa dan Pustaka : Kuala Lumpur, hlm. 430-450.
- Downs CG, and Stocks J 1972, *Environmental Impact of Mining*, Groom Hill, London.
- Durning, AB 1990, *Menggembangkan Rakyat Jelata*, hlm. 144-169, *Dunia Terancam*, Diterjemah oleh Zulkifli Salleh dan Disunting oleh Rosli Omar dan Zaini Ujang, INSAN, Kuala Lumpur.
- Ezrin, A 2000, 'Antara Senibina Modern Barat Dengan Senibina Modern-Tradicional' dlm. Ismail Hussein, A. Aziz Deraman dan Abd. Rahman Al-Ahmahadi (pnyt.), *Tamadun Melayu* (Jilid Lima), Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 2191-2213.
- Fanning, O 1975, *Man and his Environment: Citizen Action*, Harper and Row Publisher, New York.
- Goh, BL 1991, 'Urban Environmental Management: A New Challenge to Local Authorities in Malaysia,' *Malaysian Journal of Tropical Geography*, Jilid 22 (1), hlm. 9-17.
- Gurmit Singh 1990, 'Orang Ramai dan Alam Sekitar,' Sham Sani dan Abdul Samad Hadi (Pnyt.) *Pembangunan dan Alam Sekitar di Malaysia*, Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur, hlm. 451-469.
- Haliza Abdul Rahman 2005, 'Ekosistem Hutan Bakau di Selangor: Satu Kajian Daripada Segi Pelaksanaan Dasar Berkaitan Alam Sekitar,' Tesis PhD, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Jabatan Perancang Bandar dan Desa Negeri Selangor dan Institut Alam Sekitar dan Pembangunan Universiti Kebangsaan Malaysia (LESTARI UKM) 1999, Strategi Pembangunan Mampan dan Agenda 21 Selangor: Strategi Pembangunan Mampan Selangor, Bangi, Lestari.
- Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan 2001, 'Strategi Pembangunan Mampan dan Agenda 21 Selangor,' Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI), Universiti Kebangsaan Malaysia dan Jabatan Perancang Bandar dan Desa Negeri Selangor Darul Ehsan.
- Mansor Ibrahim 1998, 'Keberkesanan Sistem Perancangan Fizikal Dalam Era Globalisasi,' Prosiding Seminar Kebangsaan Perancangan dan Pembangunan Dalam Era Globalisasi, Anjuran Fakulti Sains Pembangunan, UKM, Bangi, 8-9 Jun.

- McNeely, JA 1992, *Expanding Partnerships in Conservation*, Switzerland, Island Press dan IUCN.
- Miller, MAL, 1995, *The Third World in Global Environmental Politics*, Open University Press, Buckingham.
- Mohd. Khuzairi Ismail, 22 April 2008, 'Kita hanya ada satu bumi,' *Utusan Malaysia online* (<http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=Rencana&peristiwa>)
- Mohmadisa Hashim dan Mohamad Suhaily Yusry Che Ngah, 2005, *Pembangunan dan Alam Sekitar di Malaysia*, Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim.
- Noorazuan Md. Hashim, 2007, 'Penghutanan Bandar dan Kesihatan ekosistem Lembangan: Pengalaman dari St. Helens, United Kingdom,' *Jurnal e-Bangi*, Jilid 2, Bil. 2, Jurnal Elektronik Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan.
- Steelman, T and W. Ascher, 1997, 'Public Involvement Methods in Natural Resources Policy Making: Advantages, Disadvantages and Trade-offs,' *Policy Science*, Jilid, 30, hlm. 1-90.
- Utusan Malaysia*, 2 Ogos 2006, 'Belajar Menjimatkan Penggunaan Air.'
- Utusan Malaysia*, 26 Disember 2006, 'Perubahan Iklim Global Isu Besar 2007.'
- Utusan Malaysia*, 16 Mac 2009, 'RM50 juta tangani wabak denggi.'
- Utusan Malaysia*, 2 Jun 2009, 'Penduduk Kampung Bukit Koman Gagal Halang Projek Lombong Emas.'
- Porter, G and Brown, JW 1991, *Global Environmental Politics*, Westview, Colorado.